

## **TALKING POINTS**

**Y.BHG. PROF. DATUK Ts. DR. SHAHRIN BIN SAHIB, FASc.**

**NAIB CANSOLOR UT<sub>e</sub>M**

---

## **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019**

*03 Mei 2019 (Jumaat) | Dewan Canselor*

**Yang Berbahagia, Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali**  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

**Yang Berbahagia Prof. Ts. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manaf**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

### **Penolong-Penolong Naib Canselor**

**YBrs. Encik Masdzarif bin Mahat**

Ketua Pegawai Operasi

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, para penerima anugerah yang diraikan, rakan media, hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

## **AGENDA**

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T. yang mengizinkan kita bersama-sama menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 bagi penilaian prestasi tahun 2018 dan Anugerah Sanjungan Universiti, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
2. Tahniah diucapkan kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sanjungan Universiti.
3. Majlis tahunan untuk menghargai dan mengiktiraf warga kerja UTeM yang telah memberi perkhidmatan cemerlang berdasarkan prestasi tahunan dalam melunaskan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.
4. Empat perkara yang akan dikongsikan hari ini:
  - a. Pendahuluan tentang senario budaya kerja kelas pertama;
  - b. Menyentuh sedikit tentang cabaran pengurusan sumber manusia;
  - c. Pelaksanaan kajian produktiviti sumber manusia dan deskripsi tugas;
  - d. Statistik APC dan di akhiri dengan harapan.

## **BUDAYA KERJA KELAS PERTAMA**

1. 30 tahun dahulu, semasa YAB Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri yang keempat, idea Budaya Kerja Cemerlang telah dilancarkan pada 27 November 1989.
2. Melalui idea ini tercetus pula pemikiran Budaya Kerja Kelas Pertama. Walaupun 30 tahun telah berlalu, idea ini masih kekal relevan.
3. **Tiga elemen yang ditekankan oleh YBM semasa Majlis APC KPM 2018 pada 15 April yang lalu:**
  - a. **Cara berfikir dan pemikiran** – mentaliti yang senantiasa positif, kreatif dan inovatif, berupaya menerima dan membuat perubahan serta keterhadapan.
  - b. **Cara merasa dan menghayati** – lebih kepada hubungan sesama insan untuk keharmonian di dalam organisasi. Kita diibaratkan seperti sebuah keluarga.
  - c. **Cara bertindak dan perilaku** – konsep bekerjasama sebagai satu kumpulan, mengambil kira kualiti output, risiko, dll.

## **KATA-KATA YBM**

1. Mengambil kira kata-kata YBM, **kita di UTeM harus bersama berganding bahu** bagi memastikan apa yang dirancang di setiap peringkat perjawatan dapat direalisasikan secara bersama.
2. **Kepentingan konsep kesepunyaan dan keserakanan** – kita sebagai satu keluarga bersama-sama mencipta kecemerlangan.
3. **Tekad memberikan yang terbaik untuk nama baik UTeM dan Kerajaan Malaysia.**
4. **Istiqamah dan nilai keihisanan** jangan dilupakan.

## **CABARAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

1. Cabaran utama adalah dalam **mendepani transformasi dan revolusi semasa** yang banyak memberi pengaruh terhadap persekitaran kita.
2. Dalam menguruskan sumber manusia yang cemerlang, apa yang penting adalah **sikap (attitude), kemahiran (skill) dan pengetahuan (knowledge)**
3. Ini merangkumi skop kerja, bebanan tugas, penempatan, sempadan dan dimensi tugas, kesesuaian kursus dan latihan, tahap kompetensi, dan lain-lain.
4. Apabila **konsep bekerja sebagai satu kumpulan** diaplikasikan segala cabaran pasti dapat ditempuhi dengan mudah.
5. **Sikap kerjasama, saling bantu-membantu sama ada dari aspek perkongsian idea, penyelesaian masalah, pelaksanaan tugas secara bersama.**
6. Kita perlu amalkan prinsip hidup : **Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.**

## **DESKRIPSI TUGAS**

1. Bahagian Sumber Manusia sedang melaksanakan **semakan Deskripsi Tugas atau JD dan Kajian Pengurusan Sumber Manusia.**
2. **Tujuan** : mengoptimumkan sumber manusia sedia ada, bagi memastikan pelaksanaan tugas yang lebih efektif, setara dengan jawatan dan membantu dalam pengurusan sumber manusia yang lebih dinamik.
3. **Pelaksanaan ini amat di sokong oleh JPA sendiri** – memandangkan bilangan penjawat awam sedia ada di negara ini yang agak ramai (1.7juta)

## **JANGKAAN KEBERHASILAN JD**

1. Hasil penyediaan JD ini akan menghasilkan kemahiran yang lebih tepat, penempatan dan bilangan perjawatan yang lebih baik, bebanan tugas yang lebih selaras, sekali gus mampu mengoptimumkan kos pengoperasian.
2. Sekali gus mencapai matlamat perkhidmatan awam menerusi hala tuju yang ditetapkan.



## **KAJIAN PRODUKTIVITI SUMBER MANUSIA**

1. Merupakan inisiatif Perancangan dan Pelaksanaan Pengawalan Saiz Perkhidmatan UTeM yang diluluskan menerusi Majlis Mesyuarat Eksekutif Bil. 3/2018.
2. Had Maksimum Pengisian (Arahan JPA) : 93%
3. Pengisian Perjawatan UTeM Feb'2019: 95%
4. Kajian ini bertujuan:
  - a. Mengkaji tahap produktiviti bagi setiap perjawatan di UTeM.
  - b. Perancangan dan pelaksanaan pengawalan saiz perkhidmatan bagi keperluan perjawatan di setiap Pusat Tanggungjawab.
  - c. Meneliti pengoptimuman sumber manusia sebelum mengemukakan permohonan sesuatu perjawatan.
  - d. Penyusunan semula organisasi tanpa pertambahan jawatan
  - e. Pelaksanaan tugas staf mengikut skop dan fungsi utama yang ditetapkan.

## **PROSES PELAKSANAAN KAJIAN PRODUKTIVITI SUMBER MANUSIA**

1. Proses semasa – semua staf telah di minta melengkapkan borang KPSM berdasarkan format yang ditetapkan oleh BSM
2. Seterusnya pengauditan beban tugas akan dilaksanakan. 33 orang auditor dalaman telah dilantik untuk penaziran.

**TEMA AMANAT 2019**

1. UTeM sebagai sebuah universiti teknikal perlu menyahut hasrat kerajaan dalam memperkasakan bidang TVET yang menjadi peneraju utama kemajuan negara di masa hadapan.
2. Kita hendaklah sepakat memberikan perkhidmatan dan pencapaian terbaik dalam meningkatkan lagi kredibiliti dan keunggulan UTeM dalam mendominasi TVET bagi melengkapinya teknologi tinggi di negara ini.
3. Jadi, mari kita berganding bahu bersama-sama merealisasikan hasrat UTeM sebagai Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

**JULAT MARKAH**

1. **Peningkatan sebanyak 1.3% penilaian tahun 2018 berbanding tahun 2017.**
2. Peningkatan ini menunjukkan prestasi dan kualiti kerja warga UTeM yang semakin meningkat,
3. Syabas dan tahniah kepada semua.

## **PURATA MARKAH**

1. Markah purata Universiti 86.4%
2. 17 PTj melepasi markah purata universiti
3. 11 PTj berada di bawah markah purata.
4. Apapun, teruskan usaha tanpa mengalah. Insyallah dengan usaha yang berterusan kejayaan akan dimiliki jua.